



Panduan Ringkas
**SIFAT SOLAT
NABI SAW**

Berdiri Betul & Takbiratul Ihram

1



Berdiri Betul

2



Takbiratul Ihram

Mulakan Solat Dengan Takbiratul Ihram

Lafaznya **الله أكبر** dengan mengangkat kedua-dua tangan bertentangan dengan kedua-dua bahu, atau bertentangan dengan kedua-dua telinga, dalam keadaan kedua-dua tapak tangan menghadap ke arah qiblat.



Kedua-dua tapak tangan menghadap ke arah qiblat



Telinga
Bahu

Dilarang melihat ke atas (langit)

فإذا صليتم فلا تلتفتوا ،
فإن الله ينصب وجهه
لوجه عبده في صلاته
ما لم يلتفت

Tempat Sujud



"Apabila kamu semua sedang solat, maka jangan kamu berpaling ke kanan dan ke kiri, kerana sesungguhnya ALLAH menghadapkan wajahNya ke wajah hambaNya di dalam solat, selama mana hambaNya tidak berpaling"

(Hadis riwayat al-Tirmizi dan al-Hakim -sahih-)

3

Meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri ketika berdiri di dalam solat

.. وَأَنْ نَضَعَ أَيْمَانَنَا عَلَى
شِمَائِلِنَا فِي الصَّلَاةِ

"...Dan bahawasanya kami para Nabi disuruh meletakkan tangan kanan kami di atas tangan kiri di dalam solat"

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)



Meletakkan telapak tangan kanan di atas lengan tangan kiri



atau



Meletakkan telapak tangan kanan di atas tangan kiri



Bahagian Dada



Kedua-dua tangan diletakkan di atas dada. Tidak ada penetapan yang sah mengenai bahagian dada yang dimaksudkan. Jadilah perkara ini sesuatu yang luas. Boleh diletakkan pada mana-mana bahagian dada.



atau

Menggenggam pergelangan tangan kiri dengan tangan kanan



4

Bacaan Doa Iftitah

اللَّهُمَّ بَاعِدْ بَيْنِي وَبَيْنَ خَطَايَايَ كَمَا بَاعَدْتَ بَيْنَ
 الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ، اللَّهُمَّ نَقِّنِي مِنْ خَطَايَايَ كَمَا
 يُنَقَّى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ، اللَّهُمَّ اغْسِلِي
 مِنْ خَطَايَايَ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ

“Ya ALLAH! Jauhkanlah aku daripada
 kesalahanku sepertimana ENGAU jauhkan
 timur dan barat. Ya ALLAH! Bersihkanlah aku
 daripada dosaku sepertimana ENGAU
 bersihkan baju yang putih daripada kotoran.
 Ya ALLAH! Sucikanlah aku daripada
 kesalahan dan dosaku dengan air, salji
 dan hujan ais batu”

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

5

Bacaan Fatihah

Membaca surah al-Fatihah ini
 adalah rukun, WAJIB membacanya
 pada setiap rakaat kerana
 hadis Nabi SAW

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ
 “Tidak ada solat bagi sesiapa yang
 tidak membaca al-Fatihah”

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Selepas itu dianjurkan untuk
 membaca apa-apa ayat yang
 diingati dari surah-surah Al-Quran

6

Bacaan Ta'awudz

Antaranya :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

“Aku berlindung dengan ALLAH
 daripada Syaitan yang direjam”

atau

أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ
 الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

“Aku berlindung dengan ALLAH yang
 Maha Mendengar dan Mengetahui
 daripada Syaitan yang direjam”

Takbir Untuk Rukuk



Kemudian bertakbir
 sepertimana yang
 dilakukan ketika
 takbiratul ihram
 pada permulaan
 solat untuk rukuk

Rukuk



- Meletakkan kedua-dua tangan dengan merenggangkan jari jemari sambil menggenggam lutut.
- Meratakan bahagian belakang dengan kepala.

Rukuk

Antara bacaan ketika rukuk :

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ

"Mahasuci Tuhanku Yang Maha Agung"

atau

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ

"Mahasuci Tuhanku Yang Maha Agung dan segala puji bagi-Nya"

atau

سُبُّوحٌ قُدُّوسٌ رَبُّ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوحِ

"Tuhan Yang Maha Suci lagi Maha Mulia, Tuhan para Malaikat dan Jibrail"

*Boleh dibaca sekali, 3 kali atau dilebihkan

Hendaklah **TOMA'NINAH** (berhenti seketika) di dalam rukuk



7

Bangun Untuk Iktidal

سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ

Allah mendengar sesiapa memujiNya

رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ، مِلءَ السَّمَاوَاتِ،
وَمِلءَ الْأَرْضِ وَمِثْلَهُ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ
بَعْدُ

"Ya Tuhan kami! Bagi ENGKAUlah segala pujian yang memenuhi langit, memenuhi bumi dan memenuhi segala sesuatu yang ENGKAU kehendaki"

(Hadis riwayat Muslim)

Boleh juga membaca

رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ

"Tuhanku dan milikMu segala pujian"

hingga ke akhir selepas membaca

سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ

Hendaklah **TOMA'NINAH** (berhenti seketika) ketika Iktidal

sabda Nabi SAW :

إِذَا قَالَ الْإِمَامُ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ،
فَقُولُوا اللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ فَإِنَّهُ
مَنْ وَافَقَ قَوْلَهُ قَوْلَ الْمَلَائِكَةِ غُفِرَ لَهُ
مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

"Apabila Imam berkata "sami allahu liman hamidah", maka jawablah, "Allahumma Rabbanaa lakal hamd". Maka sesiapa yang bersamaan ucapannya dengan ucapan para Malaikat, diampunkan baginya dosa-dosa yang telah lalu"

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)



8

Sujud

Dua tapak kaki yang ditegakkan dengan dilipatkan jari ke arah kiblat



Dahi dan hidung

Dua lutut

Dua tapak tangan yang bertentangan dengan paras bahu atau telinga

Siku

Sujud adalah tempat yang digalakkan berdoa, ketika inilah keadaan di mana hampirnya seseorang hamba dengan ALLAH SWT

Digalakkan berdoa di dalam setiap sujud

9

Duduk Di Antara Dua Sujud



Tempat Sujud

Duduk di antara dua sujud

Hadis riwayat muslim & Abu 'Awanah

Zikir Ketika Duduk Di Antara Dua Sujud

Antaranya:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَاهْدِنِي وَارْزُقْنِي

Ya ALLAH, ampunilah dosaku, rahmatilah aku, berilah hidayah kepadaku dan rezekikanlah kepadaku.

(Hadis riwayat Abu Daud, al-Tirmizi dan Ibn Majah)

atau

رَبِّ اغْفِرْ لِي، اغْفِرْ لِي

Ya Rabb! Ampunilah aku, ampunilah aku.

(Hadis riwayat Ibn Majah dengan sanad yang hasan)

Bacaan Ketika Sujud

Antaranya:

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى

"Maha Suci Tuhanku Yang Maha Tinggi"

atau

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ

"Maha Suci Tuhanku Yang Maha Tinggi dan segala puji bagi-Nya"

atau

سُبُّوحٌ قُدُّوسٌ رَبُّ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوحِ

"Tuhan Yang Maha Suci lagi Maha Mulia, Tuhan para Malaikat dan Jibrail"

*Boleh dibaca sekali, 3 kali atau lebih

Hendaklah **TOMA'NINAH** (berhenti seketika) ketika sujud

10

Takbir Dan Sujud Kali Kedua



Bangun untuk berdiri

11

Tasyahhud Awal



12

Tasyahhud Akhir



Bacaan Tasyahhud

Antaranya:

التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ، وَالصَّلَوَاتُ وَالطَّيِّبَاتُ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ
وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

"Segala kehormatan, selawatlah dan kebaikan adalah milik ALLAH. Keselamatan ke atas engkau wahai Nabi, rahmat dan keberkatan-Nya. Keselamatan ke atas kami dan hamba-hamba ALLAH yang soleh. Aku bersaksikan bahawasanya tiada Tuhan melainkan ALLAH dan aku bersaksikan sesungguhnya Muhammad itu hamba dan RasulNya".

(Hadis riwayat Abu Daud dan Daraqutni dan beliau mensahihkannya)

atau

Bacaan Tasyahhud

Antaranya:

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ
وَبَرَكَاتُهُ، السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ.

"Segala kehormatan, keberkatan, selawat dan kebaikan adalah milik ALLAH. Keselamatan ke atas engkau wahai Nabi! Rahmat dan keberkatan-Nya Keselamatan ke atas kami dan hamba-hamba ALLAH yang soleh. Aku bersaksikan bahawasanya tiada Ilah melainkan ALLAH dan aku bersaksikan sesungguhnya Muhammad itu Rasulullah".

(Hadis riwayat Muslim dan Abu Daud)

Bacaan Selawat Semasa Tasyahhud

Antaranya:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ، اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ،
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

"Ya ALLAH selawat ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad, seperti ENKKAU selawat ke atas Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Sesungguhnya engkau Maha Terpuji dan Maha Mulia. Ya ALLAH berkatilah ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad, seperti ENKKAU berkatilah ke atas Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Sesungguhnya ENKKAU Maha Terpuji dan Maha Mulia".

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Bacaan Doa Selepas Tasyahhud Akhir

Antaranya:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ،
وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ.

"Ya ALLAH sesungguhnya aku meminta perlindungan dengan ENGKAU daripada azab neraka jahannam, dan daripada azab kubur, dan daripada fitnah sewaktu hidup dan sesudah mati, dan daripada fitnah al-Masih al-Dajjal".

(Hadis riwayat Muslim)

13

Memberi Salam



Salam yang pertama menoleh ke kanan



Salam yang kedua menoleh ke kiri

Kesalahan-Kesalahan Yang Berlaku Ketika Solat



Kaki rapat



Tangan terlalu tinggi melebihi paras bahu atau telinga



Tangan terlalu rendah



Menggenggam kesemua jari dan jari tidak menghadap langit



Jari diregangkan terlalu luas



Jari tidak ditegakkan



Tangan tidak diletakkan di kawasan dada dan meletakkan tangan di sisi kiri tiada sebarang petunjuk dari hadis



Belakang tidak disamakan dengan kepala




Punggung dan tumit terlalu rapat



Tidak meletakkan tangan di lutut



Melampau dalam merenggangkan anggota ketika sujud



Siku rapat ke lantai



Duduk Iftirasy yang salah



Mengangguk sebelum memberi salam yang pertama atau kedua



Mengusap belakang kepala



Menyapu muka

***Marilah Kita
Bersama-sama
Mengikuti Sunnah
Rasulullah SAW***

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أَصَلِّي

Maksudnya:
"Solatlah sepertimana kamu semua
melihat aku menunaikan solat"

(Hadis riwayat
al-Bukhari dan Muslim.
Hadis dari
Malik bin al-Huwairith)



Diterbitkan Oleh

جَالِيَّةُ مَلِكِيَّةِ فَالِيسِ

Tingkat 1, Blok A
Bangunan Dato' Mahmud Mat
01000 Kangar, Perlis.
Tel : 04-979 4428 Faks : 04-976 3844
Laman Web : <https://mufti.perlis.gov.my>



Tajaan Penerbitan

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS**

No. A2, Taman Pengkalan Asam
Jalan Tuanku Syed Putra
01000 Kangar, Perlis.
Tel : 04-979 4439 Faks : 04-978 2400
Laman Web : <https://www.maips.gov.my>